



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "HULURKAN TANGAN, RINGANKAN BEBAN"

18 Jun 2021 / 7 Zulkaedah 1442

الْحَمْدُ لِلَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ<sup>1</sup>

مَثُلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثْلٍ حَجَّةٌ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ  
سُبْلَكٍ مِائَةُ حَجَّةٌ وَاللَّهُ يُضَعِّفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ<sup>2</sup>

(Surah Al-Baqarah ayat 261)<sup>3</sup>

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>4</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ؛ أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقْدْ فَازَ  
الْمُتَّقِّنَ.

### Sidang Jumaat yang dikasihi,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dalam erti kata sebenar, dengan melaksanakan segala perintah Nya, dan meninggalkan segala larangan Nya; mudah-mudahan hidup kita akan senantiasa dilimpahi berkat dan kasih sayang Allah SWT.

Wabak Covid-19 yang semakin mengganas telah mengakibatkan ramai saudara kita berada dalam tekanan dan kesusahan hidup. Pada hari ini, perubahan yang sangat ketara berlaku dalam budaya hidup insan dan masyarakat, merangkumi pekerjaan, urus niaga, persekolahan, pembelajaran dan kaedah beribadah, termasuk cara mengurus pesakit dan jenazah.

Menginsafi keadaan tersebut, mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertema: "**Hulurkan Tangan, Ringankan Beban**". Semoga dengan menghayati inti pati khutbah ini, pintu hati keinsafan kita akan lebih terbuka untuk sama-sama berperanan membantu

<sup>1</sup> Memuji Allah<sup>2</sup> Ayat Al-Quran<sup>3</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW<sup>4</sup> Pesan Taqwa



meringankan beban berat saudara-saudara kita yang sedang dilanda kesusahan.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Menghulurkan sedekah atau sumbangan kepada golongan yang memerlukan merupakan satu amalan sangat mulia. Menghulurkan pemberian kepada orang yang memerlukan dengan tujuan mahu mendekatkan diri kepada Allah SWT, merupakan amalan terpuji yang akan dapat mengeratkan hubungan baik sesama manusia.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 261:

**مَثُلُ الَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُبْلَةٍ  
مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضَعِّفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ**

**Maksudnya:** Bandingan (sedekah) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, pada setiap tangkai ada seratus biji. Allah melipatgandakan bagi sesiapa yang Dia kehendaki, dan Allah Maha Luas, lagi Maha Mengetahui.

Ayat ini, menunjukkan bahawa sedekah mempunyai keistimewaan dan kelebihan yang amat bernilai di sisi Allah SWT.

Ayat ini diperkuuhkan dengan Firman Allah SWT dalam Surah Saba' ayat 39:

**قُلْ إِنَّ رَبِّي يَسْرُطُ الْرِزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَقْدِرُ لَهُ وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ  
يُخْلِفُهُ وَهُوَ خَيْرُ الْازْقِينَ**

**Maksudnya:** Katakanlah (wahai Muhammad), “Sesungguhnya Tuhan ku melapangkan rezeki dan menyempitkannya kepada siapa yang Dia kehendaki di antara hamba-hamba Nya”. Dan apa sahaja yang kamu berikan, Allah akan menggantinya dan Dialah Pemberi Rezeki yang terbaik.

### **Sidang Jumaat yang dimuliakan,**

Saban hari kita mengikuti berita, beban berat yang sedang ditanggung oleh rakyat. Dengan terputusnya sumber pendapatan, semakin ramai rakyat yang tidak berupaya membayar ansuran pinjaman rumah dan kenderaan, semakin ramai yang tidak berupaya membayar sewa kedai dan sewa rumah, pemandu-pemandu teksi terpaksa menyerahkan



kunci disebabkan tiada lagi penumpang, peniaga-peniaga pasar malam tidak dibenarkan berniaga, restoran dan gerai makan tidak lagi berurus niaga seperti biasa, hotel dan rumah tumpangan terpaksa ditutup, pengusaha home stay, pengusaha kantin dan pembekal makanan di sekolah turut terjejas pendapatan, jamuan dan kenduri tidak boleh diadakan, dan pelbagai lagi perubahan urusan yang telah menghilangkan sumber pendapatan dan pekerjaan rakyat. Wabak yang terus melanda telah menyebabkan Perintah Kawalan Pergerakan terus disambung dan semakin diperketat. Akibatnya bilangan yang kehilangan pendapatan semakin meningkat. Semakin ramai keluarga miskin yang menangis dalam kelaparan dalam suasana ekonomi yang semakin menguncup dan lorong rezeki semakin menirus.

Insaflah! semakin ramai rakyat yang hidup kais pagi makan pagi. Sudah ada rakyat yang hanya mampu makan sehari sekali, sudah ada bayi dan kanak-kanak yang menghadapi kesukaran mendapatkan susu. Sudah ada warga tua dan pesakit yang terputus mendapat rawatan perubatan kerana tidak mampu menanggung belanja pengangkutan. Pada waktu yang sama, dilaporkan juga harga bahan-bahan makanan turut meningkat.

Semua ini menuntut agar kita yang masih dilimpahi rezeki, berasa insaf dan bersyukur lalu memainkan peranan membantu meringankan tanggungan berat yang sedang dihadapi oleh golongan yang sangat-sangat terjejas kehidupan mereka. Mudah-mudahan sedekah dan sumbangan yang kita berikan akan dapat sedikit sebanyak meringankan beban kesusahan serta membantu saudara-saudara kita dapat meneruskan kehidupan. Mudah-mudahan sedekah dan sumbangan kita akan diterima sebagai amal makruf di sisi Allah SWT yang akan memberikan keberkatan kepada rezeki kita.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi,**

Dalam hasrat dan usaha mahu meringankan beban tanggungan golongan yang amat memerlukan bantuan, dengan titah dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, pada 10 Jun lalu telah memperuntukkan dana khas berjumlah empat belas juta, enam ratus enam ribu ringgit (14,606,000.00) untuk membiayai pelbagai keperluan, terutama bantuan kecemasan kelangsungan hidup. Usaha Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak itu hendaklah disambut oleh rakyat jelata di seluruh negeri. Antara langkah dan tindakan yang disarankan;

**Pertama:** Jawatankuasa Kariah Masjid dan Jawatankuasa Surau mewujudkan Tabung Khas dan hasil sumbangan diagihkan kepada ahli-ahli kariah yang terjejas pendapatan.



**Kedua:** Majikan menerokai usaha yang dapat meringankan beban para pekerja yang berada dalam kategori yang sangat memerlukan bantuan.

**Ketiga:** Jawatankuasa Pentadbiran Kampung dan Badan Kebajikan Taman mengenal pasti penduduk yang amat memerlukan bantuan dan menyampaikan maklumat kepada penghulu, wakil rakyat, pentadbir dan pegawai baitulmal daerah.

**Keempat:** Setiap ahli masyarakat mengambil tanggungjawab mengenal pasti jiran tetangga yang daif dan sangat memerlukan bantuan lalu berusaha meringankan tanggungan mereka, agar tidak ada jiran tetangga yang kelaparan pada saat kita kekenyangan.

**Kelima:** Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tampil ke hadapan berperanan aktif menghulurkan bantuan secara kebendaan dan juga tenaga.

**Keenam:** Pemilik tempat perniagaan, kedai dan rumah mengecualikan bayaran sewa atau mengurangkan bayaran sewa kepada penghuni yang terjejas pendapatan dan urus niaga akibat Perintah Kawalan Pergerakan.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah pertama, marilah kita berdoa dan berusaha supaya perkara-perkara yang dicadangkan, akan dapat kita jayakan. Sama-sama kita menghulurkan tangan, meringankan beban dalam semangat yang menghayati hadis;

Daripada Abu Hurairah R.A, Baginda Rasulullah SAW telah bersabda;

مَنْ نَهَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُبْرَةً مِنْ كُبْرِ الدُّنْيَا ؛ نَهَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُبْرَةً مِنْ كُبْرِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ.  
 وَمَنْ يَسْرَ عَلَى مُغْسِرٍ ؛ يَسْرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ. وَمَنْ سَرَّ مُسْلِمًا ؛ سَرَّهُ اللَّهُ  
 فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ. وَاللَّهُ فِي عَوْنَ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنَ أَخِيهِ.

**Maksudnya:** Sesiapa yang meringankan daripada seorang mukmin satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahan dunia, Allah SWT akan meringankan daripadanya satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahan pada hari kiamat. Sesiapa yang memudahkan urusan orang yang sedang berada dalam kesempitan, Allah akan memudahkan urusannya di dunia dan akhirat. Sesiapa yang menutup (aurat dan aib) seorang Muslim, Allah akan menutup (aurat dan aib) nya di dunia dan akhirat. Allah sentiasa menolong hamba Nya selama mana hamba itu menolong saudaranya. (Riwayat Imam Muslim 2699)



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُم بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ  
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

### Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ، مِلْءَ السَّمَاوَاتِ وَمِلْءَ الْأَرْضِ، وَمِلْءَ مَا بَيْنَهُمَا  
وَمِلْءَ مَا شِئْتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ  
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِنْتُمُ الْمُسْلِمُونَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita istiqamah berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama makhluk. Imarahkanlah rumah Allah SWT dengan terus-menerus mengerjakan ibadah dan solat fardu secara berjemaah.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيْمًا<sup>5</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>6</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفِ بَيْنَ  
قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

<sup>5</sup> Memuji Allah

<sup>6</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>7</sup> Pesan Taqwa

<sup>8</sup> Ayat Al-Quran

<sup>9</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ انْصُرِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ خُصُوصًا فِي فَلَسْطِينَ، وَفِي كُلِّ مَكَانٍ وَفِي كُلِّ زَمَانٍ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا وَبِرْوَسِ الْكُورُونَا، وَالْغَلَاءَ، وَالْمَحَنَّ، وَالْفِتَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بُلْدَانٍ عَامَّةً.

Ya Allah, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran serta lindungilah mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

Ya Allah, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Peliharalah kami daripada seksa dan azab api neraka.

Ya Allah, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِخْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُّكُمْ لَعْلَكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْذُكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّهُ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.